

LBS CATAT PENINGKATAN KEUNTUNGAN BERSIH 76% BAGI FYE2021

- *Hasil Q4FYE2021 meningkat sebanyak 50%*
- *Mencapai prestasi jualan 2021 sebanyak 31% kepada RM1.58 bilion*
- *18 projek sedang berjalan dengan anggaran GDV sebanyak RM5.30 bilion*
- *Jualan belum dibil RM2.30 bilion*

Petaling Jaya, 24 Februari 2022 – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”) hari ini mengumumkan keputusan suku keempatnya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 (“Q4FYE2021”).

Bagi tempoh dalam tinjauan, LBS melaporkan hasil keuntungan sebanyak RM441.84 juta yang diterjemahkan dari peningkatan tahun ke tahun sebanyak 50%. Syarikat turut mencatat keuntungan selepas cukai (“PAT”) sebanyak RM46.38 juta untuk Q4FYE2021, peningkatan yang amat memberangsangkan sebanyak 41 % berbanding Q4FYE2020.

Bagi FYE2021, keuntungan meningkat sebanyak 24.4%, tahun ke tahun, daripada RM1.10 bilion kepada RM1.36 bilion. Keuntungan RM1.36 bilion merupakan pencapaian tertinggi yang direkodkan oleh LBS dengan PAT meningkat 76% daripada RM67.29 juta kepada RM118.70 juta.

Prestasi FYE2021 yang kukuh ini didorong oleh usaha inovatif Syarikat di dalam inisiatif pendigitalan dan pelancaran Laman Hartanah Virtual LBS, Kempen Raikan Rezeki Bersama LBS dan Kempen Digital Vacci-Nation Bonanza yang menerima maklum balas dan diterima baik oleh orang ramai.

Dari segi pembangunan hartanah, yang merupakan penyumbang pendapatan utama LBS, pendapatan mencatatkan peningkatan kepada RM1.30 bilion, iaitu kenaikan 26% tahun ke tahun. Kenaikan ini didorong dari kadar pengambilan yang baik, dan kemajuan pembinaan yang stabil di projek yang sedang berjalan seperti Residensi Bintang Bukit Jalil, Taman Perindustrian Alam Awana, Cameron Centrum, KITA @ Cybersouth dan LBS Alam Perdana.

LBS mempunyai 18 projek pembangunan yang sedang berjalan dengan Nilai Pembangunan Kasar ("GDV") sebanyak RM5.3 bilion, bank tanah seluas 2,744 ekar, setakat 31 Disember 2021, yang akan memastikan pengurusan syarikat aktif beroperasi untuk tempoh 10 tahun akan datang. Manakala jualan tidak dibil sebanyak RM2.30 bilion akan memberikan pulangan secara positif Syarikat untuk tempoh dua ke tiga tahun ke hadapan.

Mengulas mengenai keputusan itu, Pengerusi Eksekutif LBS, Tan Sri Lim Hock San berkata, "FYE2021 telah menjadi tahun yang luar biasa untuk LBS. Jumlah keuntungan kami mencapai paras yang tertinggi. Oleh itu, saya berharap keputusan kewangan LBS ini akan menjadi suatu kenyataan hala tuju LBS di dalam melangkah ke hadapan di samping mengekalkan kepercayaan para pemegang saham terhadap usaha LBS.

Pada tahun 2021, kami melepasi sasaran jualan hartanah kami sebanyak 31%, mencecah RM1.58 bilion berbanding sasaran awal kami sebanyak RM1.20 bilion. Ini merupakan permulaan yang baik untuk 2022. Pembangunan hartanah kekal menjadi perniagaan teras kami. Oleh itu, LBS telah menetapkan sasaran jualan yang lebih tinggi pada 2022 iaitu sebanyak RM1.60 bilion dengan menyasarkan 14 buah projek baru dengan nilai GDV sebanyak RM1.77 bilion. Kami yakin projek-projek ini bakal mendapat sambutan menggalakkan, berikutan lokasinya yang strategik. Ditambah dengan pelancaran suntikan penggalak vaksinasi, di mana kerajaan tidak lagi bercadang untuk mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan di masa hadapan.

Untuk tahun 2022, kami akan terus berpegang teguh pada tiga tonggak utama kami iaitu Mampu Milik, Kesalinghubungan dan Komuniti. LBS turut berazam untuk menyediakan pembangunan di lokasi strategik dan mengekalkan harga yang berpatutan bagi memenuhi keperluan pembeli rumah di samping memenangi kepercayaan mereka. Kami akan terus memantau pasaran dan melaksanakan strategi sesuai bagi memastikan operasi kami berjalan lancar dan kekal optimis terhadap prospek pertumbuhan kami untuk 2022."

-Tamat-